

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
RAYUAN JENAYAH NO. BA-41LB(A)-1-01/2022**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

... PERAYU

DAN

HATMAN RIZA BIN RADZUN

... RESPONDEN

(Dalam Perkara Mahkamah Majistret Petaling Jaya
Kes No. BB-M1-82-1-04/2019)

ANTARA

PENDAKWA RAYA

DAN

**HATMAN RIZA BIN RADZUN
(NO. KPT: 810806-10-6213)**



S/N uGJ9Sp6omUiI8PHpo8hblw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Kes ini merupakan rayuan oleh Pendakwa Raya (“**Perayu**”) yang tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan Majistret Petaling Jaya yang telah melepas dan membebaskan Hatman Riza bin Radzun (“**Responden**”) di akhir perbicaraan bagi pertuduhan kesalahan di bawah seksyen 323 dan dibaca bersama seksyen 326A Kanun Keseksaan.

[2] Mahkamah ini telah mendengar rayuan ini pada 13.7.2022 dan seterusnya memutuskan bahawa rayuan Perayu ditolak. Oleh yang demikian, keputusan dan perintah pelepasan dan pembebasan Responden oleh Majistret tersebut dikekalkan.

[3] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah ini telah memfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia pada 27.7.2022.

Pertuduhan

[4] Pertuduhan ke atas Responden adalah seperti berikut:

“Bahawa kamu pada 15/05/2018 jam lebih kurang 9.42 pagi, di rumah No. B-16-03A, Wing B Galleria, Jalan Putra Permai 2, Off Persiaran Equine Perdana, Seri Kembangan, dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah didapati dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap isteri kamu nama



S/N uGJ9Sp6omUil8PHpo8hblw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Amirah binti Hassan @ Ahmad Zaki, KPT: 840508-07-5014 dengan menolak penama tersebut pada bahagian dada dan melibas kaki penama tersebut dengan menggunakan kain. Oleh yang demikian itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 326A Kanun Keseksaan.”

[4] Seksyen 323 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

“Whoever, except in the case provided for by section 334, voluntarily causes hurt, shall be punished with imprisonment for a term which may extent to one year or with fine which may extent to two thousand ringgit or with both.”

[5] Manakala seksyen 326A(1) pula merupakan peruntukan hukuman bagi kesalahan seperti mana pertuduhan di bawah seksyen 323 tersebut yang melibatkan pasangan, bekas pasangan, anak atau anggota keluarga yang lain.

“(1) Whoever causes hurt to his spouse or former spouse, a child, an incapacitated adult or other member of the family and commits an offence under section 323, 324, 325, 326, 334 or 335 shall be punished with imprisonment for a term which may extent to twice of the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence under the relevant section



notwithstanding any other punishment provided for that offence.”

Ringkasan Fakta Kes Pendakwaan

[6] Di peringkat kes pendakwaan, serama 3 orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberi keterangan iaitu:

- SP1 - Dr. Lau Jia Huang (Doktor);
- SP2 - Amirah binti Hassan @ Ahmad Zaki (Mangsa); dan
- SP3 - Sjn. Khazar b. Ahmad Khatib (Pen. Pegawai Penyiasat).

[7] Responden dan mangsa iaitu Amirah binti Hassan @ Ahmad Zaki (SP2) merupakan pasangan suami isteri yang telah bernikah pada 19.12.2015 seperti mana dalam Surat Perakuan Nikah (**ekhibit P4**) dan hasil perkahwinan tersebut dikurniakan seorang anak lelaki yang lahir pada 7.3.2016 (berumur 2 tahun pada masa kejadian).

[8] SP2 merupakan isteri kedua Responden (pada masa material) daripada perkahwinan Responden yang keempat. Manakala Ernie Syazrina binti Zulkifli (SD2) merupakan isteri pertama Responden daripada perkahwinan kedua.

[9] Pada 15.5.2018 jam lebih kurang 9.42 pagi, semasa SP2 berada di rumah sewa yang beralamat di No. B-16-03A, Wing B Galleria, Jalan Putra Permai 2, Off Persiaran Equine Perdana, Seri Kembangan (“**rumah sewa**”), SP2 telah menerima panggilan telefon daripada Responden bertanyakan keberadaannya. Responden seterusnya mengatakan bahawa beliau dalam perjalanan balik ke rumah sewa tersebut.



[10] Setibanya Responden di rumah sewa tersebut telah berlaku perselisihan faham dan pertengkaran mulut apabila Responden telah menegur SP2 kerana memuat naik status dalam aplikasi *WhatsApp* yang menjadi pencetus kepada perselisihan dan pertengkaran mulut antara mereka pada hari tersebut. Responden kemudiannya telah mengemas dan mengambil pakaian Responden untuk meninggalkan rumah sewa tersebut.

[11] SP2 telah bertindak menghalang Responden keluar daripada rumah sewa tersebut. Dalam keadaan tersebut, Responden dikatakan telah menolak bahagian dada SP2 sebanyak 2 kali sehingga SP2 berasa sakit. Seterusnya dikatakan juga bahawa Responden telah mengambil sehelai tuala dan melibas kaki kanan SP2 hingga menyebabkan SP2 terjatuh.

[12] SP2 kemudiannya telah membuat laporan polis mendakwa dirinya telah dicederakan oleh Responden seperti mana Laporan Polis Seri Kembangan 4413/18 dan 4414/18 (**ekshhibit P2 dan P3**).

[13] Dr. Lau Jia Huang (SP1) telah memeriksa SP2 pada 15.5.2018 yang mana dalam *diagnosis* dinyatakan sebagai '*right knee and chest soft tissue injury post trauma*' dan telah memberikan rawatan semasa SP2 dirujuk ke jabatan kecemasan zon hijau (tidak kritikal). SP1 telah menyediakan Laporan Perubatan bertarikh 14.8.2018 (**ekshhibit P1**).

Dapatan Majistret Di Akhir Kes Pendakwaan

[14] Majistret yang bijaksana telah mengarahkan dirinya membuat penilaian maksimum berdasarkan kepada keterangan yang telah



S/N uGJ9Sp6omUil8PHpo8hblw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan elemen kesalahan tersebut bahawa –

- a) Responden berniat mendatangkan kecederaan ke atas mangsa atau SP2;
- b) SP2 mengalami kecederaan; dan
- c) Responden dan SP2 adalah suami dan isteri semasa kejadian.

[15] Majistret yang bijaksana telah menilai keterangan yang dikemukakan dalam Mahkamah yang menunjukkan bahawa semasa kejadian ini telah berlaku pertengkaran antara Responden dan SP2. Seterusnya dalam pertengkaran tersebut berlaku *body contact* antara kedua mereka serta perbuatan Responden yang telah menolak SP2 di bahagian dada serta tindakan Responden yang telah menggunakan tuala melibas kaki SP2. Majistret telah menilai perbuatan-perbuatan Responden tersebut dari keseluruhan konteks keterangan bahawa Responden mempunyai niat untuk mendatangkan kecederaan ke atas SP2.

[16] Kecederaan yang dialami oleh SP2 telah dinyatakan oleh SP1 dalam Laporan Perubatan bertarikh 14.8.2018 (**ekhibit P1**).

[17] Menurut Majistret yang bijaksana lagi, hubungan perkahwinan antara SP2 dan Responden telah berjaya dibuktikan berdasarkan sijil perkahwinan yang tidak langsung dipertikaikan oleh pihak Responden semasa perbicaraan (**ekhibit P4**).



[18] Oleh yang demikian, Majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* dan memerintahkan Responden dipanggil untuk membela diri.

[19] Pemerhatian Mahkamah ini ke atas Alasan Penghakiman oleh Majistret berkenaan mendapati terdapat kesilapan di mana beberapa kali mangsa (SP2) dirujuk secara salah sebagai SP1. Begitu juga dengan senarai indeks Jilid 3 Rekod Rayuan yang mana ekhibit P1 sepatutnya merujuk kepada Laporan Perubatan dan bukannya ‘Laporan pengadu mangsa’. Walau bagaimanapun, Mahkamah ini mengambil kefahaman bahawa itu semua sebagai suatu kesilapan atau kecuaian menaip oleh Majistret berkenaan.

Ringkasan Fakta Kes Pembelaan

[20] Pihak pembelaan telah memanggil 2 orang saksi pembelaan iaitu:

- a) SD1 - Hatman Riza bin Radzun (Responden);
- b) SD2 - Ernie Syazrina binti Zulkifli (Isteri 1 Responden).

[21] Responden dalam pembelaannya telah secara keseluruhannya mengulangi versi yang telah dikemukakan semasa pemeriksaan balas saksi pendakwaan iaitu mangsa sendiri SP2 dan Penolong Pegawai Penyiasat (SP3). Responden mengatakan bahawa beliau tidak berniat untuk mengasari SP2 apatah lagi dengan niat untuk mencederakan.

[22] Menurut Responden lagi, perbuatannya menolak dan melibas SP2 dengan kain adalah bertujuan menghentikan tolak menolak antara Responden dan SP2 serta untuk membolehkan Responden keluar dari



rumah sewa tersebut yang beberapa kali cuba dihalang oleh SP2. Dalam keterangan pembelaannya, Responden telah memberikan keterangan terperinci bagaimana pertengkaran mulut atau sedikit pergelutan serta tolak menolak dan tarik menarik yang berlaku pada hari kejadian antara beliau dan SP2. Selain itu, Responden menyatakan lagi bahawa pada masa yang material telah berlaku pertikman lidah antara mereka sehingga melibatkan penggunaan perkataan yang kesat/kasar yang dituturkan oleh SP2.

[23] Walaupun punca atau pencetus kepada pertengkaran mulut, tolak menolak dan tarik menarik pada hari kejadian tersebut menurut Responden adalah akibat daripada muat naik status aplikasi *WhatsApp* SP2, namun Majistret yang bijaksana tidak menerima dan tidak mengambil kira sebagai keterangan apa-apa petikan-petikan daripada komunikasi *WhatsApp* tersebut (IDD7 – IDD20).

[24] Namun Majistret yang bijaksana telah mendapati sememangnya pada masa kejadian satu pergelutan telah berlaku antara SP2 dan Responden. Ini diterangkan melalui keterangan lisan Responden dalam keterangan bersumpahnya tentang apa yang berlaku pada masa itu baik dari segi perkataan lisan yang diucapkan maupun dari segi perbuatan kedua-dua pihak.

[25] Responden semasa keterangan pembelaannya juga telah mengemukakan satu rakaman video (**ekshhibit D5**) yang merupakan rakaman insiden pertengkaran yang berlaku antara Responden dan SP2 pada tahun 2019. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa tujuan rakaman video tersebut adalah bagi menunjukkan keadaan sebenar yang berlaku setiap kali berlaku pertengkaran antara Responden dan SP2.



Dapatan dan Keputusan Majistret Di Akhir Kes Perbicaraan

[26] Di akhir perbicaraan, Majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa daripada keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan, terdapat suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dengan merujuk kepada intipati utama pertuduhan kesalahan iaitu Responden dengan niat yang sengaja mendatangkan kecederaan kepada SP2.

[27] Majistret yang bijaksana mendapati bahawa keterangan pembelaan Responden bukanlah suatu pemikiran semula (*afterthought*) oleh Responden dalam kes ini.

[28] Majistret yang bijaksana turut mengambil kira keterangan bahawa hubungan antara Responden dan SP2 selepas kejadian tersebut (*post incident*) adalah seperti biasa di mana mereka boleh berjumpa dan berkomunikasi antara satu sama lain. Malahan di suatu ketika, SP2 boleh menjemput Responden di KLIA apabila Responden pulang dari negara Perancis selepas kejadian yang berlaku sebelum itu.

[29] Berkenaan ketiadaan barang kes iaitu kain yang dikatakan digunakan untuk melibas SP2, terdapat dua versi yang telah berbangkit berkenaan dengan jenis kain yang sebenarnya atau material kain tersebut. Dalam keadaan sedemikian, hanya dengan kain yang didakwa digunakan untuk melibas SP2 yang dikatakan oleh Responden hanyalah sehelai kain tuala, Majistret yang bijaksana menerima inferens yang menyebelahi pihak pembelaan bahawa Responden tidak mempunyai niat yang sengaja untuk mendatangkan kecederaan kepada SP2. Tindakan mencapai kain tuala tersebut dan melibas ke arah SP2 merupakan



tindakan spontan (*impromptu*) Responden akibat pertengkaran mulut dan tolak menolak antara Responden dan SP2.

[30] Kesimpulannya, Majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa di akhir kes pembelaan atau di akhir perbicaraan pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Justeru, Responden telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan kesalahan tersebut di bawah seksyen 323 dibaca bersama seksyen 326A Kanun Keseksaan.

Prinsip Undang-Undang Di Peringkat Rayuan

[31] Mahkamah ini dalam mendengar rayuan ini berpandukan kepada prinsip undang-undang yang mantap di mana mahkamah di peringkat rayuan seharusnya mengambil pendirian untuk tidak mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut mempunyai salah arah dan tidak menurut undang-undang ini.

[32] Dalam kes *Amri Ibrahim & Anor v. PP* [2017] 1 CLJ 617, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan yang berikut:

"[51] It is trite law that the view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the trial judge, who had the advantage of seeing and hearing the



witness, unless there were substantial and compelling reasons for disagreeing."

(Penekanan ditambah)

[33] Berpandukan kepada prinsip undang-undang mantap tersebut, Mahkamah ini telah meneliti dan mempertimbangkan alasan dan merit rayuan ini serta bukannya semata-mata atas alasan bahawa Mahkamah ini mempunyai pandangan dan dapatan yang berbeza.

[34] Oleh yang demikian, Mahkamah ini telah meneliti keseluruhan rekod rayuan yang ada dan mempertimbangkan alasan-alasan bagi rayuan ini.

Analisis dan Dapatan Mahkamah Ini

[35] Perayu telah membangkit dalam hujahan bertulisnya 4 alasan berkenaan rayuan yang dibuat ke atas keputusan Majistret:

- a) Apabila Responden telah dipanggil membela diri bermaksud pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* di mana semua elemen atau intipati kesalahan telah dibuktikan;
- b) Majistret telah terkhilaf apabila menerima masuk video rakaman (ekhibit D5) sebagai keterangan kerana ia tidak relevan dengan pertuduhan kesalahan;
- c) Majistret telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa terdapat keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan kerana dapatan ke atas faktor-faktor yang telah diambil kira oleh



Majistret yang bijaksana tidak pun menimbulkan sebarang keraguan; dan

- d) Majistret telah terkhilaf apabila terlalu mengambil kira muat naik status WhatsApp oleh SP2 sebagai punca kejadian.

[36] Oleh yang demikian, Mahkamah ini telah membuat penilaian dan pertimbangan ke atas setiap alasan yang dibangkit oleh Perayu dalam rayuan ini.

Sama ada semua elemen atau intipati kesalahan telah dibuktikan apabila Responden dipanggil membela diri (wujud kes prima facie)

[37] Pihak Perayu menghujahkan bahawa apabila Majistret yang bijaksana mendapati wujud kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan bermaksud pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan semua elemen atau intipati pertuduhan kesalahan iaitu:

- a) bahawa Responden dan SP2 adalah merupakan pasangan suami isteri semasa kejadian berlaku;
- b) Responden telah menyebabkan kesakitan pada tubuh badan SP2;
- c) Responden melakukan perbuatan tersebut dengan niat mencederakan SP2; dan



- d) kecederaan SP2 tidak disebabkan oleh kebangkitan marah yang serius dan secara tiba-tiba menurut peruntukan seksyen 334 Kanun Keseksaan.

[38] Seksyen 180(4) Kanun Tatacara Jenayah menjelaskan keadaan di mana kes *prima facie* berjaya dibuktikan seperti berikut:

*“(4) For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence **proving each ingredient of the offence** which if unrebuted or unexplained would warrant a conviction.”*

(Penekanan ditambah)

[39] Majistret yang bijaksana di dalam perenggan 20 Alasan Penghakimannya telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap Responden dan dengan itu memanggil Responden untuk membela diri.

[40] Walau bagaimanapun, frasa-frasa perkataan di akhir seksyen 180(4) itu sendiri menjelaskan keadaan hanya apabila ‘.. if unrebuted or unexplained would warrant a conviction’. Ini bermaksud apabila dikatakan wujud kes *prima facie* bukanlah secara otomatik menjamin suatu sabitan ke atas pertuduhan kesalahan. Kes pendakwaan masih boleh dipatahkan atau disangkal melalui keterangan-keterangan lain di peringkat kes pembelaan. Keterangan kes *prima facie* bukan konklusif.

[41] Dalam kes Mahkamah Persekutuan *Abdullah bin Atan v PP & Anor. Appeal* [2020] MLJU 1244, YAA Ketua Hakim Negara dalam



penghakimannya di perenggan 44 telah membuat rujukan kepada penghakiman YA Vincent Ng dalam kes PP v Ong Cheng Heong dengan petikan yang berikut:

*“What then constitutes a ‘prima facie case’? ...While **prima facie evidence** is evidence which is sufficient to establish a fact in the absence of any evidence to the contrary, **but is not conclusive.**”*

(Penekanan ditambah)

[42] Sehubungan dengan itu, menjadi tugas mahkamah perbicaraan di akhir kes pembelaan atau di akhir perbicaraan untuk mempertimbangkan keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan dalam perbicaraan di peringkat kes pendakwaan dan keterangan di peringkat kes pembelaan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes pendakwaan melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) atau sama ada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

[43] Seksyen 182A (1) Kanun Tacara Jenayah memperuntukan perkara tersebut seperti berikut:

*“At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and **shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.**”*

(Penekanan ditambah)



S/N uGJ9Sp6omUil8PHpo8hblw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[44] Oleh yang demikian, Majistret yang bijaksana tidak tersalah arah atau khilaf apabila setelah mempertimbangkan keterangan di akhir kes pembelaan membuat dapatan bahawa Responden telah berjaya menimpulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, berdasarkan alasan-alasan yang diberikan, khususnya keraguan berkenaan niat sengaja Responden untuk mendatangkan kecederaan ke atas SP2.

[45] Dapatan Majistret yang bijaksana bahawa wujud keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan akan diulas di akhir penghakiman ini.

Penerima masuk rakaman video (ekshibit D5) sebagai keterangan

[46] Pihak Perayu dalam hujahannya membangkit isu penerimaan masuk sebagai keterangan rakaman video (ekshibit D5) yang dihujahkan sebagai tidak relevan dengan pertuduhan kesalahan dalam kes ini.

[47] Hujahan Perayu ke atas isu ini berdasarkan rakaman video (ekshibit D5) tersebut yang dirakamkan oleh Responden dalam tahun 2019 berbanding dengan tarikh kejadian dalam pertuduhan kesalahan ialah pada 15.5.2018. Perayu menghujahkan bahawa pengemukaan keterangan rakaman video tersebut sebagai suatu pembelaan adalah merupakan sesuatu yang difikirkan kemudian (*afterthought*).

[48] Majistret yang bijaksana telah menyatakan dalam perenggan 50 Alasan Penghakimannya tentang dapatan (*finding*) ke atas pengemukaan rakaman video tersebut sebagai keterangan seperti berikut:



“... setelah meneliti rakaman ini, saya mendapati bahawa rakaman ini adalah relevan di bawah seksyen 9 Akta Keterangan 1950 kerana rakaman ini menjurus kepada facts in issue dalam kes berkaitan kes ini iaitu sama ada OKT mempunyai niat dengan sengaja mendatangkan kecederaan kepada Pengadu...”

[49] Seterusnya dalam perenggan 51 Alasan Penghakiman, Majistret yang bijaksana telah menyatakan alasan lain penerimaan rakaman video tersebut sebagai keterangan iaitu bagi menunjukkan karakter SP2:

“Saya telah meneliti rakaman video ini dan mendapati bahawa kejadian yang dirakamkan ini pada pandangan saya menunjukkan karektor pengadu dalam kejadian yang dirakam tersebut. Apa yang dirakamkan adalah kejadian di mana dapat dilihat SP2 pada Ketika itu menjerit-jerit kepada OKT dengan memarahi serta mengeluarkan perkataan kesat.”

[50] Dalam kes *Alan Thomas Bohlsen v Draftworldwide Sdn Bhd [2009] 8 MLJ 461* dinyatakan bahawa seksyen 9 Akta Keterangan 1950 digunakan dalam 5 keadaan seperti berikut:

“[4] A perusal of s 9 of the Evidence Act 1950 would show that there are five categories wherein facts become relevant under this section, namely:

- (1) *facts that are necessary to explain or introduce a fact in issue or relevant fact; or*



- (2) *facts which support or rebut an inference suggested by a fact in issue; or*
- (3) *facts which establish the identity of anything or person whose identity is relevant; or*
- (4) *facts which fix the time or place at which any fact in issue or relevant fact happened; or*
- (5) *facts which show the relation of the parties by whom any such fact was transacted.”*

[51] Berdasarkan Alasan Penghakiman Majistret yang bijaksana, rakaman video (ekhibit D5) tersebut yang dikemukakan oleh pihak pembelaan adalah relevan di bawah seksyen 9 Akta Keterangan 1950 berkenaan dengan niat sengaja Responden untuk mencederakan SP2 yang merupakan suatu '*fact in issue*'. Rakaman video tersebut dapat menunjukkan karakter sebenar SP2 sebagai seorang yang kasar, biadap, pemarah, sering berkata dengan pertuturan yang kesat serta menuduh melulu.

[52] Walaupun rakaman video tersebut hanya dikemukakan di peringkat kes pembelaan, pihak pembelaan ada mengusulkan kepada mahkamah perbicaraan untuk memanggil semula SP2 memberi keterangan berhubung rakaman video tersebut. Walau bagaimanapun, pihak pendakwaan telah tidak bersetuju.

[53] Keterangan yang dikemukakan oleh Responden melalui rakaman video tersebut membantu untuk menafikan *evidence of conduct* iaitu



berkaitan dengan niat sengaja Responden yang dikatakan menyebabkan kecederaan SP2 adalah relevan di bawah seksyen 9 Akta Keterangan 1950.

[54] Oleh yang demikian, Mahkamah ini mendapati bahawa Majistret yang bijaksana tidak khilaf atau tersalah arah dalam menerima rakaman video (ekhibit D5) sebagai suatu keterangan yang relevan.

Dapatan Majistret berkenaan keraguan yang munasabah

[55] Perayu seterusnya mempertikaikan dapatan Majistret yang bijaksana bahawa terdapat keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan yang mana pihak Perayu menghujahkan semua alasan tersebut tidak menimbulkan sebarang keraguan kepada kes pendakwaan.

[56] Dapatan Majistret yang bijaksana berkenaan wujud keraguan kepada kes pendakwaan dapat dirumuskan berdasarkan yang berikut:

- a) karakter SP2 yang sering menggunakan perkataan yang kesat seperti ‘babi’ apabila berlaku pertengkaran atau perselisihan faham berdasarkan kepada keterangan rakaman video (ekhibit D5);
- b) wujudnya pertengkaran mulut dan tolak menolak antara keduanya yang dikatakan sebagai pergelutan serta punca pergelutan tersebut adalah berkaitan muat naik status WhatsApp oleh SP2;



- c) Dapatan Majistret bahawa kejadian yang berlaku itu lebih berat menunjukkan bahawa ia bermula dengan reaksi SP2 yang telah menghalang Responden daripada mengambil baju yang dikatakan dibeli oleh SP2 dari dalam rumah sewa tersebut dan tindakan SP2 yang cuba menghalang laluan Responden untuk keluar dari rumah sewa tersebut;
- d) Hubungan SP2 dan Responden selepas kejadian tersebut adalah seperti biasa di mana mereka boleh berjumpa dan berkomunikasi. Malahan pada suatu ketika, SP2 telah menjemput Responden di KLIA apabila Responden pulang dari negara Perancis; dan
- e) Ketiadaan barang kes iaitu kain yang digunakan semasa perbuatan ‘melibas’ oleh Responden ke atas SP2. Penggunaan kain itu sendiri sebagai alat oleh Responden dengan niat sengaja untuk mencederakan SP2 telah menimbulkan keraguan tentang niat sebenar Responden dan sama ada jenis kain yang digunakan itu secara munasabahnya boleh menyebabkan kecederaan ke atas SP2.

[57] Perayu menghujahkan bahawa semua alasan tersebut di atas tidak menimbulkan sebarang keraguan kepada kes pendakwaan.

[58] Walau bagaimanapun, Mahkamah ini berpendapat bahawa semua alasan tersebut adalah dapatan fakta oleh Majistret yang bijaksana yang dinyatakan dalam Alasan Penghakimannya sebagai menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Mahkamah ini tidak akan mengganggu dapatan fakta oleh Majistret yang bijaksana tersebut.



[59] Malahan Mahkamah ini mengambil perhatian juga kepada keadaan-keadaan yang berikut:

- a) Perbuatan menolak seseorang adalah berbeza daripada perbuatan memukul seseorang di mana perbuatan Responden dalam kes ini adalah untuk mengelak daripada SP2 yang cuba menghalang Responden daripada keluar dari rumah sewa tersebut;
- b) Tahap kecederaan yang dinyatakan dalam Laporan Perubatan (ekhibit P1) adalah terlalu minimal untuk dibuat kesimpulan niat sengaja Responden mencederakan SP2;
- c) Walaupun tiada sesiapa yang lain di rumah sewa tersebut (melainkan anak yang masih kecil), Responden tidak pun bertindak lebih kasar atau agresif terhadap SP2, sekiranya benar berniat mencederakan SP2;
- d) Sekiranya Responden menolak dan melibas dengan kain itu sebagai perbuatan dengan niat mencederakan SP2, perbuatan tersebut akan dilakukan sebaik sahaja tiba di rumah sewa tersebut; dan
- e) Sekiranya benar perbuatan Responden dengan menolak SP2 di bahagian dada untuk menyebabkan kecederaan SP2, adalah diragui niat tersebut apabila SP2 masih terus mendekati Responden dan menghalangnya sehingga berlaku tolakan kali kedua.



[60] Oleh yang demikian, Mahkamah ini merumuskan bahawa Majistret yang bijaksana tidak khilaf atau tersalah arah apabila membuat dapatan wujud keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan terutamanya berkenaan elemen Responden berniat mendatangkan kecederaan ke atas SP2 berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas.

Muat naik status WhatsApp oleh SP2

[61] Perayu telah menghujahkan bahawa Majistret yang bijaksana telah terkhilaf apabila terlalu mengambil kira muat naik status *WhatsApp* oleh SP2 sebagai punca kejadian tersebut. Hujahan Perayu lagi bahawa mustahil bagi Responden untuk menyatakan perkara tersebut telah membangkitkan kemarahannya secara tiba-tiba yang boleh dikatakan menimbulkan provokasi.

[62] Namun, Majistret yang bijaksana telah mengambil kira bahawa insiden pergelutan yang berlaku antara Responden dan SP2 seperti mana yang diakui oleh keterangan Penolong Pegawai Penyiasat kes (SP3) adalah berkaitan dengan status *WhatsApp* yang dimuatnaik oleh SP2. Mahkamah ini merujuk kepada perenggan 38 Alasan Penghakiman.

[63] Walaupun beberapa dokumen pembelaan berkaitan status *WhatsApp* tersebut tidak diterima masuk sebagai keterangan, namun Responden sendiri dalam keterangan bersumpahnya apabila dipanggil membela diri telah menerangkan dengan jelas dan penuh teliti berkenaan apa yang berlaku pada tarikh, masa dan tempat kejadian yang material, baik dari segi perkataan lisan yang diucapkan mahupun dari segi perbuatan kedua-dua pihak pada ketika itu.



[64] Mahkamah ini mendapati semasa pemeriksaan balas ke atas Responden (SD1), pihak pendakwaan tidak membuat cabaran tentang perkataan dan perbuatan SP2 dan Responden pada ketika kejadian tersebut.

[65] Oleh yang demikian, Mahkamah ini mendapati bahawa Majistret yang bijaksana tidaklah terkhilaf apabila mengambil kira muat naik status WhatsApp oleh SP2 tersebut sebagai punca pergelutan yang berlaku. Secara lebih tepat lagi, Mahkamah ini mendapati bahawa status muat naik WhatsApp tersebut adalah sebagai pencetus peristiwa yang membawa kepada berlakunya pertengkaran mulut, tolak menolak dan pergelutan antara keduanya.

Keputusan

[66] Setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar serta mempertimbangkan penghujahan bertulis serta penghujahan lisan pihak perayu dan pihak responden, Mahkamah ini berpuas hati dan mendapati tidak wujud alasan yang bermerit bagi Mahkamah ini mengganggu gugat dapatan dan keputusan Majistret yang bijaksana.

[67] Mahkamah ini tidak mendapati apa-apa salah arah atau kekhilafan oleh Majistret yang bijaksana berkenaan dapatan dan keputusannya dari segi fakta mahupun undang-undang.

[68] Oleh yang demikian, Mahkamah ini telah memutuskan bahawa rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan Majistret yang bijaksana tersebut adalah ditolak.



Bertarikh: 3 Oktober 2022

(HASBULLAH ADAM)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Shah Alam

KAUNSEL:

- | | | |
|-----------------------------|---|--|
| <i>Bagi pihak Perayu</i> | - | <i>Nur Zatil Hidayah binti Ali</i>
<i>Timbalan Pendakwa Raya, Selangor</i> |
| <i>Bagi pihak Responden</i> | - | <i>Puan Suronmani Krishnan</i>
<i>Tetuan Hakem Arabi & Associates</i>
<i>Peguambela dan Peguamcara</i> |



S/N uGJ9Sp6omUil8PHpo8hblw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal